



## **UCAPAN PENANGGUHAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA*  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA  
PERTEMUAN TAHUNAN TIDAK RASMI MENTERI-MENTERI  
AGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, REPUBLIK  
INDONESIA, MALAYSIA DAN SINGAPURA (MABIMS)  
SECARA DALAM TALIAN (VIRTUAL MEETING)  
TAHUN 2021**

**PADA HARI RABU  
3 JAMADILAWAL 1443 / 8 DISEMBER 2021**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمَيْتِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Rakan-rakan sejawat para menteri dan sahabat-sahabat kerabat kerja yang saya hormati sekalian,*

Alhamdulillah, dengan rahmat kasih sayang Allah, ternyata kita tidak mengambil waktu yang panjang untuk sampai ke penghujungan Sidang Pertemuan Tidak Rasmi kita secara maya ini.

Untuk itu saya ucapkan selamat dan dengan setulus hati ingin merakamkan rasa penghargaan yang tinggi kepada Bapak Yaqut Kholil Qoumas, Menteri Agama Republik Indonesia atas pimpinannya yang memungkinkan sidang ini kekal dengan tradisi ramahnya, yang di mesrakan oleh semangat persefahaman yang tinggi di kalangan kita.

Dalam kesemua itu ialah adanya dukungan berupa gerak-kerja yang rapi sahabat-sahabat kita panitia dan Sekretariat di Jakarta bersama rakan-rakan kerja mereka Sekretariat di sini, di Bandar Seri Begawan, di Kuala Lumpur dan di Kota Raya Singapura. Untuk itu saya ucapkan: *Jazaakumullahu khairan katsiran watoiyiban mubarakan 'aajilan au aajilan.*

Maka syukurlah Pertemuan Tidak Rasmi kali ini ditandai dengan satu lagi mercu tanda kesepakatan antara kita iaitu dengan peluncuran Rancangan Strategik yang didokumentasikan untuk program kerja bagi lima tahun ke hadapan, 2021 – 2025.

Saya percaya semua kita sepakat tentang kepentingannya.

Ia dengan jitu ber*Visi* dan ber*Misikan* rangkaian kerjasama MABIMS yang akan **menampilkkan** MABIMS sebagai suri tauladan (*role model*) lambang kecemerlangan Islam di Nusantara, dengan cara **memperkasa** kerjasama antara anggota MABIMS dalam segala aspek terutama dalam pengukuhan ‘aqidah, pembangunan syaksiah dan kesejahteraan umat Islam.

Adalah menggembirakan bahawa Rancangan Strategik untuk lima tahun MABIMS bermatlamatkan empat paksi iaitu, *Pertama* - ‘aqidah masyarakat mantap melalui pendidikan dan penghayatan beragama. *Kedua*- memberdaya syahsiah unggul belia Islam dengan pengukuhan potensi belia. *Ketiga* - masyarakat Islam berdaya maju sebagai hasil dari kesejahteraan sosial. Dan *keempat* - muslim rukun dan sepakat ia itu dengan adanya keharmonian serantau.

Seterusnya turut menggembirakan juga ialah empat fokus strategiknya yang masing-masing akan digalas penyelarasnya oleh setiap negara anggota, iaitu:

- *Pendidikan dan Penghayatan Beragama* ditetapkan penyelarasnya ialah Republik Indonesia;
- *Kesejahteraan Sosial* negara penyelarasnya ialah Malaysia;
- *Potensi Belia* akan diselaraskan oleh Brunei Darussalam; dan
- *Keharmonian Serantau* oleh Republik Singapura.

Huraian selengkapnya kita rujuklah kepada buku yang mendokumentasikannya yang baru saja kita lancarkan.

Tentu sahaja kita ucapkan syabas tanda tahniah atas kejayaan merangkanya, suatu yang bukan mudah dan ringan, pastinya sukar berat dan mencabar.

Dan tentu lebih sukar, berat dan lebih mencabar ialah pada tahap pelaksanaannya dalam jangka waktu lima tahun mendatang.

Mungkin saja dalam jangka waktu itu kita sekarang ini akan mewariskannya kepada generasi penerus MABIMS. Namun saya meyakini mereka tidak akan pangling lalai, sebaliknya bertekad kental merealisasikan idealisma generasi pendahulu mereka. Mereka akan tidak akan lupa bahawa Rancangan Strategik MABIMS yang didokumentasikan ini telah diperakukan sebagai program dan gerak-kerja lima tahun mendatang.

Ya! Mereka akan menerimanya bukan sebagai bahan warisan antik bernilai tinggi yang harus dijaga baik dengan aman lalu selamat untuk dimusiumkan.

Demikian itu pernyataan sebuah harapan. Saya ucapkan lagi terima kasih dengan memohon agar semua kita ini akan saling mendoakan dan memaafkan.

Dihujungi dengan dua rangkap pantun:

*Jalan-jalan pergi ke pekan  
Sampai di pekan jumpa Pak Ali  
Alhamdulillah pertemuan kita sempurna dilangsungkan  
In sya Allah, jika ada umur dan ada kesihatan kita bertemu semula.*

*Sampai di pekan ke pasar ikan  
Sempat membeli buah dan sayuran  
Terima kasih kami sampaikan  
Salah dan silap mohon diampunkan*

و بالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Rabu 04 Jamadilawal 1443/08 Disember 2021